

ANALISIS PERKAHWINAN GAYA HIDUP TANPA ANAK (*CHILDFREE*) MENGGUNAKAN KAEDAH KAJIAN LITERATUR SISTEMATIK (SLR)

Siti Hawa Radin Eksan
Fakulti Ekonomi, Perakaunan & Pengurusan
Universiti Islam Selangor (UIS), Bandar Seri Putra, 43600 Bangi, Selangor
Email: sitihawa@uis.edu.my

Normazaini Salleh
Fakulti Ekonomi, Perakaunan & Pengurusan
Universiti Islam Selangor (UIS), Bandar Seri Putra, 43600 Bangi, Selangor
Email: sitihawa@uis.edu.my

Noor Raudhiah Abu Bakar
Fakulti Ekonomi, Perakaunan & Pengurusan
Universiti Islam Selangor (UIS), Bandar Seri Putra, 43600 Bangi, Selangor
Email: sitihawa@uis.edu.my

Marhaini Abdul Ghani
Fakulti Ekonomi, Perakaunan & Pengurusan
Universiti Islam Selangor (UIS), Bandar Seri Putra, 43600 Bangi, Selangor
Email: sitihawa@uis.edu.my

ABSTRAK

Fenomena childfree semakin mendapat perhatian dalam masyarakat moden, termasuk di Malaysia, di mana semakin ramai pasangan memilih untuk tidak mempunyai anak atas pelbagai faktor. Kajian ini menggunakan pendekatan Kajian Literatur Sistematik (SLR). Kajian literatur sistematik (SLR) bertujuan untuk menyumbang dalam membangunkan pengetahuan menemui potensi penyelidikan dalam isu childfree. Dapatan kajian menunjukkan bahawa keputusan untuk memilih konsep childfree dipengaruhi oleh beberapa faktor utama, antaranya adalah kebebasan individu, kestabilan kerjaya, kos sara hidup yang tinggi, kebimbangan terhadap masa depan anak, serta keinginan untuk menikmati kehidupan tanpa komitmen keibubapaan. Selain itu, wujud juga tekanan daripada keluarga dan masyarakat yang masih melihat ketiadaan anak sebagai sesuatu yang luar norma. Kajian ini mencadangkan agar lebih banyak perbincangan terbuka dijalankan bagi menghormati kepelbagaian pilihan hidup. Hasil kajian juga diharapkan dapat membantu pihak berkepentingan dalam merangka dasar yang lebih inklusif berkaitan perancangan keluarga dan pembangunan sosial di Malaysia.

Kata kunci: *Gaya hidup, Childfree, Kajian literatur sistematik (SLR)*

PENGENALAN

Fenomena *childfree*, atau keputusan untuk tidak mempunyai anak secara sukarela, semakin mendapat perhatian dalam kajian sosiologi, psikologi, dan kajian gender. Dahulunya dianggap sebagai keputusan yang jarang dan tidak konvensional, *childfree* kini menjadi sebahagian daripada wacana moden berkaitan kebebasan individu, hak reproduktif, dan perubahan norma sosial (Ciesielski, 2024). Di peringkat global, peningkatan jumlah individu yang memilih gaya hidup *childfree* dikaitkan dengan faktor sosio-ekonomi, perubahan budaya, serta pengaruh pergerakan feminisme yang menekankan kebebasan wanita dalam membuat keputusan berkaitan tubuh dan kehidupan mereka (Martinez Phillips, 2024). *Childfree* kian menjadi trend di pelbagai negara (Ramadhan & Alaudin, 2023) dan dari sudut hak asasi manusia, ia dilihat sebagai salah satu bentuk kebebasan individu untuk menentukan hala tuju kehidupan mereka sendiri (Indah & Zuhdi, 2021).

Individu yang memilih untuk tidak mempunyai anak sering berdepan dengan stigma sosial, terutamanya dalam kalangan masyarakat yang kuat berpegang kepada nilai agama dan adat tradisional (Samsudi & Busro, 2023). Stigma ini bukan sahaja memberi kesan psikologi kepada individu *childfree*, tetapi juga menimbulkan perdebatan mengenai hak individu berbanding tanggungjawab sosial dalam konteks negara membangun. Justeru, kajian ini dilakukan untuk mengumpulkan kajian lepas dan menganalisis secara sistematik perkembangan penyelidikan mengenai fenomena *childfree* dalam konteks masyarakat moden, khususnya di Malaysia, melalui pendekatan Kajian Literatur Sistematik (SLR). Selain itu, hasil kajian diharapkan dapat dijadikan sebagai cadangan isu baru untuk dikaji dengan lebih mendalam dan membantu pihak berkepentingan dalam merangka dasar yang lebih inklusif berkaitan perancangan keluarga dan pembangunan sosial di Malaysia.

SOROTAN LITERATUR

Trend pasangan yang sudah berumah tangga tidak mahu memiliki anak atau *childfree* merujuk kepada pilihan individu atau pasangan untuk tidak mempunyai anak atas dasar sukarela. Hal ini berbeza dengan istilah *childless* atau *involuntarily childfree* yang digunakan untuk merujuk kepada ketidakmampuan pasangan tersebut mempunyai anak akibat faktor kesihatan atau keadaan yang di luar kawalan (Astuti & Rohmayanti, 2024). Konsep *childfree* ini menjadi perbualan ramai dan perbincangan hangat selepas

seorang pengengaruh dari Indonesia iaitu Gita Savitri yang mengatakan dia dan pasangannya memilih untuk *childfree* (Samudra, 2024; Ma'rifah, 2024; Prasmono & Kartikasari, 2024).

Analisis Perbandingan Antara Negara-Negara Dunia

Fenomena *childfree* semakin mendapat perhatian di pelbagai negara di seluruh dunia. Pilihan ini sering dikaitkan dengan perubahan nilai, tekanan ekonomi, serta perkembangan norma sosial dan gender moden. Perubahan demografi memerlukan analisis perbandingan antara negara berbeza, dengan mengambil kira konteks sosio-budaya, ekonomi, serta agama yang mempengaruhi keputusan mengenai keibubapaan. Negara seperti Jepun, negara-negara Eropah, Amerika Syarikat dan Asia Selatan memberikan gambaran jelas tentang trend ini berdasarkan penyelidikan terkini.

Jepun

Jepun merupakan salah satu negara dengan peningkatan ketara dalam fenomena *childfree* akibat dipengaruhi oleh pendidikan moden berteraskan nilai Barat selepas Perang Dunia Kedua. Kehidupan tanpa anak ditafsirkan sebagai simbol kebebasan daripada peranan jantina yang lazimnya mengawal perjalanan hidup seseorang (Shirai, 2023). Pada tahun 2020, didapati bahawa 5.64% atau lebih daripada 2.5 juta orang dewasa Jepun yang berumur antara 18 tahun hingga 50 tahun tidak mempunyai anak. Kadar *childfree* ini merangkumi 9.1% lelaki dan 10.71% wanita. Peningkatan kadar wanita Jepun yang *childfree* sehingga umur 50 tahun meningkat daripada 11% pada tahun 2005 kepada 27% pada tahun 2020. Kadar ini adalah tertinggi dalam kalangan negara maju (Jones, 2024). Keputusan ini dipengaruhi oleh faktor ekonomi seperti peningkatan kos sara hidup, ketidakstabilan pekerjaan, cabaran keseimbangan kerja dan kehidupan, serta peranan jantina tradisional yang menyukarkan wanita mencapai cita-cita kerjaya. Kemosrotan struktur keluarga besar dan peningkatan tanggungjawab dalam keluarga nuklear juga menambah tekanan terhadap keputusan keibubapaan. Golongan *childfree* sering berdepan stigma dan tekanan sosial, yang seterusnya memberi kesan jangka panjang terhadap demografi negara yang sudah menghadapi masalah populasi menua (Inoue & Inoue, 2024).

Eropah

Szalma et al. (2025) mendapati bahawa sikap terhadap *childfree* semakin positif dalam kalangan masyarakat Eropah, terutamanya di negara-negara yang mempunyai dasar kesaksamaan jantina yang lebih kukuh serta sokongan terhadap kebebasan peribadi. Walau bagaimanapun, stigma terhadap pilihan *childfree* masih wujud di beberapa kawasan, terutamanya di negara-negara yang lebih konservatif. Negara-negara Eropah dengan kebijakan yang lebih progresif, seperti Skandinavia, Eropah Selatan serta Kerajaan Bersatu cenderung menunjukkan penerimaan yang lebih tinggi terhadap pilihan *childfree* berbanding negara-negara Eropah Selatan atau Timur. Negara-negara seperti Itali, Poland dan Portugal cenderung mempunyai norma sosial yang lebih konservatif berkaitan dengan keluarga dan peranan jantina, yang mempengaruhi penerimaan terhadap pilihan hidup *childfree*. Kajian oleh Salgado dan Magalhaes (2024) menunjukkan bahawa wanita yang memilih untuk hidup tanpa anak mengekspresikan kebebasan autonomi dan identiti peribadi mereka. Hal ini dianggap sebagai pilihan yang memberikan kawalan penuh terhadap masa depan mereka. Trend ini telah mencerminkan perubahan besar dalam pemikiran sosial yang mengutamakan kebebasan individu, walaupun ia masih berhadapan dengan pelbagai cabaran sosial dan budaya (Nabila et al., 2024). Kadar kesuburan rendah telah menimbulkan kebimbangan terhadap populasi menua dan kekurangan tenaga kerja, menyebabkan beberapa negara memperkenalkan dasar pro-natalis, walaupun keberkesannya masih terhad.

Amerika Syarikat

Trend *childfree* di Amerika Syarikat menunjukkan perkembangan yang ketara dengan peningkatan bilangan individu, khususnya lelaki dan wanita dewasa, yang secara sukarela memilih untuk tidak mempunyai anak. Neal dan Neal (2025a) melaporkan bahawa terdapat pelbagai kategori individu tanpa anak di Amerika, termasuk yang *childfree* secara sukarela, tidak subur, belum bersedia, dan yang tidak dapat mempunyai anak kerana faktor kesihatan atau peribadi. Kajian mendapati peratusan lelaki yang memilih untuk tidak mempunyai anak meningkat daripada 9.9% pada tahun 2012 kepada 20.2% pada tahun 2018, menunjukkan perubahan nilai yang ketara dalam kalangan lelaki dewasa (Neal & Neal, 2025b). Fenomena ini mencerminkan penekanan yang semakin kuat terhadap autonomi individu dan pencarian makna hidup di luar kerangka tradisional keluarga nuklear. Walau bagaimanapun, Herawati (2024) menekankan bahawa pilihan *childfree* perlu dinilai secara seimbang dari sudut etika dengan mengambil kira tanggungjawab sosial dan kesan jangka panjang terhadap struktur masyarakat. Maka, trend ini bukan sekadar pilihan peribadi, tetapi turut melibatkan perbincangan nilai dan tanggungjawab kolektif. Perkembangan ini turut menimbulkan kebimbangan terhadap implikasi sosial dan ekonomi jangka panjang, termasuk isu populasi menua dan keperluan pelaksanaan dasar pro-natalis yang berkesan.

Asia Selatan

Asia Selatan yang secara tradisinya dicirikan oleh kadar kesuburan tinggi kini menunjukkan perubahan dengan penurunan kadar kelahiran secara beransur-ansur. Lelaki yang memilih untuk *childfree* di bandar-bandar India sering berhadapan dengan cabaran dalam membina identiti maskuliniti apabila pilihan untuk tidak mempunyai anak bercanggah dengan jangkaan sosial terhadap peranan lelaki sebagai penyedia dan pewaris. Dalam kalangan wanita pula, mereka perlu merundingkan tekanan budaya, stigma keluarga, serta keinginan peribadi terhadap kebebasan dan kerjaya. Situasi ini menunjukkan bahawa walaupun pilihan *childfree* memberikan ruang untuk kebebasan autonomi, ia juga memerlukan mereka menghadapi pelbagai bentuk diskriminasi tersirat (Chattopadhyay, 2025). Gangopadhyay dan Arcot (2024) juga membincangkan budaya selepas bersalin di Bengaluru yang sangat menekankan kepentingan ibu dan anak, menggambarkan norma sosial yang mengakar kuat dalam struktur keluarga patriarki. Dalam kerangka yang lebih luas, Gangopadhyay (2025) turut mengaitkan amalan penuaan dan penjagaan warga emas dengan

konsep *childfree* yang menekankan keperluan dasar dalam menyokong kumpulan tanpa anak ini untuk menghadapi kehidupan tua. Ini mencerminkan keperluan perubahan dasar dan sokongan sosial di rantau ini.

Fenomena *Childfree* di Malaysia

Di kebanyakan negara, termasuk Malaysia, wujud tekanan sosial yang kuat untuk berkahwin dan mempunyai anak. Namun, kajian oleh Rashidi et al. (2025) menekankan bahawa keputusan untuk tidak mempunyai anak kini semakin diterima sebagai pilihan hidup yang sah. Pilihan ini dipengaruhi oleh pelbagai faktor, termasuk norma keluarga dan sosial, keutamaan individu, faktor ekonomi, perspektif agama, serta kesedaran alam sekitar. Kenyataan ini disokong oleh Aksa et al. (2024) yang menunjukkan bahawa semakin ramai individu memilih untuk menentang norma ini demi mencapai kepuasan peribadi dan kebebasan. Peningkatan penerimaan terhadap gaya hidup alternatif dan perubahan nilai dalam institusi kekeluargaan turut menyumbang kepada fenomena ini.

Dalam konteks kebangsaan, kerajaan Malaysia telah menyuarakan kebimbangan mengenai peningkatan trend *childfree*. Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Noraini Ahmad, menyatakan bahawa walaupun keputusan *childfree* merupakan hak peribadi, ia berpotensi memberi kesan jangka panjang terhadap struktur penduduk negara (Bernama, 2024a). Faktor seperti kos sara hidup yang tinggi, komitmen kerjaya, dan keinginan untuk kebebasan peribadi sering dikaitkan dengan pilihan ini. Sebagai langkah mitigasi, kerajaan telah memperkenalkan inisiatif seperti peningkatan had pengecualian cukai pendapatan bagi elau penjagaan anak serta pembangunan lebih banyak tabika dan taska bagi mengurangkan beban kewangan keluarga (Muhamad, 2024).

Selain itu, keutamaan individu dan gaya hidup menjadi faktor utama dalam keputusan *childfree*. Ramai individu memilih untuk tidak mempunyai anak bagi menikmati kebebasan kewangan, menumpukan kepada kerjaya, dan mengelakkan tanggungjawab membesarkan anak. Auni (2024) menegaskan bahawa generasi muda kini lebih cenderung untuk mengutamakan pengalaman peribadi dan pencapaian profesional berbanding membina keluarga tradisional. Keputusan ini juga dipengaruhi oleh perubahan dalam budaya kerja, di mana semakin ramai individu menilai semula keseimbangan antara kehidupan peribadi dan komitmen keluarga. Faktor ekonomi turut memainkan peranan yang signifikan dalam keputusan *childfree*. Kos sara hidup yang semakin meningkat dan ketidakstabilan ekonomi menjadi pendorong utama bagi pasangan untuk tidak mempunyai anak. Menurut Gusli (2024), kebimbangan mengenai kemampuan kewangan untuk membesarkan anak mendorong ramai pasangan untuk memilih gaya hidup tanpa anak. Perbelanjaan yang tinggi untuk pendidikan, penjagaan kesihatan, dan keperluan asas kanak-kanak menjadikan keputusan ini lebih rasional bagi sesetengah individu yang ingin mengelakkan tekanan kewangan jangka panjang (Basri et al., 2024).

Dari sudut perspektif agama dan etika, pandangan mengenai *childfree* berbeza-beza mengikut kepercayaan masing-masing. Dalam Islam, perkahwinan dan kelahiran dianggap sebagai tuntutan agama (Putri, 2024), namun terdapat perbincangan mengenai fleksibiliti dalam hal ini bergantung kepada keadaan individu. Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan telah membincangkan isu *childfree* dalam perspektif syarak melalui Bayan Linnas Siri ke-297. Dalam Islam, perkahwinan dan memiliki zuriat merupakan sunnah yang dianjurkan. Namun, jika keputusan *childfree* dibuat atas sebab yang munasabah seperti kesihatan atau kesejahteraan pasangan, ia tidak dianggap berdosa. Walaupun begitu, keputusan ini hendaklah tidak mendatangkan mudarat kepada mana-mana pihak serta tidak bertentangan dengan prinsip syarak (Hazali, 2024). Sayyaf et al. (2024) dan Rusmana (2024) membincangkan bahawa faktor kesihatan, kesejahteraan pasangan, dan kemampuan untuk mendidik anak dalam suasana yang baik turut diambil kira dalam perbincangan hukum mengenai *childfree*.

Keputusan untuk tidak mempunyai anak membawa pelbagai implikasi terhadap individu, masyarakat, dan ekonomi negara. Dari sudut kesan terhadap individu, mereka yang memilih gaya hidup tanpa anak sering dilaporkan mengalami tahap kepuasan hidup yang lebih tinggi kerana dapat menumpukan kepada minat peribadi, perjalanan, dan pembangunan kerjaya tanpa tanggungjawab membesarkan anak. Namun, kajian oleh Madina (2024) menekankan bahawa walaupun terdapat manfaat dalam gaya hidup tanpa anak, penting untuk mempertimbangkan kesan psikologi dan sosial yang mungkin timbul, terutamanya apabila jaringan sokongan semakin berkurangan pada usia lanjut. Dari sudut kesan sosial dan demografi, trend peningkatan individu yang memilih untuk tidak mempunyai anak boleh menyumbang kepada penuaan populasi dan penurunan kadar kelahiran. Data daripada Jabatan Perangkaan Malaysia menunjukkan bahawa kadar kesuburan jumlah atau *total fertility rate* (TFR) telah menurun daripada 2.1 orang anak pada 2010 kepada 1.6 orang anak pada 2022 (Bernama, 2024b). Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (2025), jumlah kelahiran hidup merekodkan penurunan sebanyak 5.6% iaitu 105,044 kelahiran pada 2024 berbanding 111,265 kelahiran pada suku tahun keempat 2023 (Khairi, 2025).

Dengan bilangan kelahiran yang semakin rendah, jumlah penduduk usia tua dijangka meningkat dengan lebih cepat dan menyebabkan ketidakseimbangan dalam populasi. Hal ini kelihatan benar apabila Malaysia diramal akan menjadi negara menua pada tahun 2030 dengan sebilangan besar rakyatnya mencecah umur 60 tahun (Wazer, 2024). Dari sudut keselamatan negara, Majlis Keselamatan Negara (MKN) juga menegaskan bahawa penurunan kadar kelahiran akibat peningkatan pasangan *childfree* boleh membawa implikasi jangka panjang. Kesan utama termasuk kekurangan tenaga kerja muda dalam sektor kritikal seperti pertahanan dan keselamatan awam serta peningkatan populasi menua yang memberi tekanan terhadap sistem kesihatan dan sosial negara. MKN juga menekankan risiko ketidakseimbangan demografi antara etnik, yang boleh menimbulkan ketegangan sosial dalam jangka masa panjang (Majlis Keselamatan Negara, 2024).

Berdasarkan Pelan Strategik Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) 2021-2025, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) telah melaksanakan pelbagai inisiatif bagi memantapkan institusi kekeluargaan seperti menjadikan bulan November sebagai Bulan Keluarga Kebangsaan dengan tujuan mengurangkan kecenderungan pasangan memilih trend *childfree*. Terdapat banyak aktiviti menarik yang diperkenalkan oleh LPPKN seperti Rumah Kasih Madani yang menyokong keluarga sejahtera. Aktiviti Hari Keluarga di tempat kerja juga digalakkan untuk mengimbangi kehidupan bekerja dan berkeluarga di samping memelihara kesihatan mental (Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, 2024).

Selain itu, antara langkah yang telah diambil oleh LPPKN ialah di bawah Teras 1 Pelan Strategik iaitu memperkukuh institusi kekeluargaan. LPPKN memastikan penguatkuasaan dasar, perundangan, dan penyelidikan berkaitan keluarga selain meningkatkan perkhidmatan sokongan seperti kaunseling. Selain membudayakan nilai kekeluargaan, program yang turut diadakan adalah program pendidikan keibubapaan bagi membantu pasangan dalam perancangan keluarga. LPPKN turut melaksanakan program sebaliknya iaitu program yang menggalakkan pasangan meningkatkan kelahiran (Kawi, 2024). Fenomena *childfree* di Malaysia turut semakin mendapat perhatian dalam kalangan generasi muda. Perbincangan mengenai *childfree* di Malaysia dan Indonesia umumnya adalah berkisar kepada konflik antara kebebasan individu dan norma sosial, di mana nilai agama serta adat resam masih menekankan kepentingan institusi keluarga yang berteraskan kelahiran dan pembiakan generasi baharu (Rismani & Adira, 2024). Walaupun keputusan ini sering dikaitkan dengan hak individu serta kebebasan dalam menentukan gaya hidup, implikasinya terhadap kestabilan sosial, ekonomi, dan demografi masih belum dikaji secara mendalam.

METODOLOGI KAJIAN

Kaedah tinjauan sistematik (SLR) melibatkan langkah-langkah yang teratur untuk mencari, menilai, dan menyampaikan maklumat dari pelbagai sumber literatur yang dipilih secara sistematik. Kaedah pencarian maklumat dilakukan dengan mengakses pangkalan data sebagai langkah untuk mendapatkan bahan yang berkualiti dan bersesuaian dengan keperluan kajian. Pencarian secara komprehensif dilakukan melalui enjin carian *Google* dan *Google Scholar*. Dua pangkalan data ini cukup dalam memenuhi syarat bagi bidang kajian ini (Xiao & Watson, 2019; Hassan & Yusof, 2023). Dalam kajian ini, kata kunci yang digunakan ialah "*childfree*" AND "*Malaysia*" bagi mengumpulkan kajian yang berkaitan. Penggunaan kedua-dua kata kunci ini bagi memastikan bahawa kajian yang dianalisis adalah khusus kepada isu *childfree* yang mempunyai kaitan dengan Malaysia.

Selain itu, tahun kajian yang digunakan adalah antara tahun 2020 sehingga 2025 sahaja untuk memberi fokus terhadap penyelidikan terkini. Langkah ini merupakan langkah yang bagus bagi memastikan bahan kajian adalah relevan dengan konteks semasa (Luft et al., 2022). Seterusnya, bagi tujuan pencarian data yang lebih jelas dan tepat, kaedah *Preferred Reporting Items for Systematic Reviews and Meta-Analyses* (PRISMA) telah dilakukan. Terdapat empat peringkat dalam PRISMA, iaitu pengenalanpastian (*identification*), saringan (*screening*), kelayakan (*eligibility*) dan termasuk (*included*) (Moher et al., 2020). Jumlah hasil kajian yang diperolehi melalui kata kunci yang dicari dalam kedua-dua pangkalan data adalah 533. Setelah melalui peringkat pengenalanpastian, saringan, kelayakan dan termasuk, 49 kajian telah dipilih dan digunakan dalam kajian SLR ini.

HASIL KAJIAN SLR

Isu *childfree* mula menjadi topik perbincangan dengan lebih meluas dalam kalangan akademik serantau. Sehubungan itu, analisis menyeluruh terhadap kajian-kajian sedia ada telah dilakukan melalui pendekatan semakan literatur sistematik (SLR) bagi menelusuri trend dan jurang penyelidikan yang wujud. Jadual 1 menyenaraikan kajian-kajian yang diperolehi melalui carian berkaitan dengan fenomena *childfree* dan Malaysia. Jadual ini merangkumi beberapa aspek penting, termasuk rujukan kajian yang terdiri daripada artikel jurnal dan prosiding persidangan. Selain itu, metodologi yang digunakan dalam kajian-kajian tersebut turut diperincikan, sama ada berbentuk kuantitatif, kualitatif, atau kajian literatur. Tema kajian yang diketengahkan meliputi pelbagai disiplin seperti agama, sosiologi, psikologi, ekonomi, budaya, teknologi, dan alam sekitar, yang menunjukkan kepelbagaian pendekatan dalam memahami fenomena *childfree*.

Jadual 1: Tinjauan Literatur Sistematik (Sumber: Olahan Penyelidik, 2025)


No.	Rujukan	Metodologi	Tema	Hasil Dapatan Kajian	Negara
1.	Aksa et al. (2024)	Kualitatif	Agama	Wujud pelbagai perspektif mengenai <i>childfree</i> dalam masyarakat	Indonesia
2.	Aliyyah et al. (2024)	Kuantitatif	Agama	Mahasiswa mempunyai pelbagai pandangan terhadap <i>childfree</i> mengikut ajaran Islam	Indonesia
3.	Astuti & Rohmayanti (2024)	Kajian Literatur	Psikologi	Wanita yang mengalami kehilangan kehamilan dan memilih <i>childfree</i> menghadapi cabaran emosi	Indonesia
4.	Auni (2024)	Kajian Literatur	Agama	Generasi Z mempunyai motif berbeza dalam memilih <i>childfree</i> berdasarkan faktor agama	Indonesia
5.	Ciesielski (2024)	Kuantitatif	Psikologi	Terdapat prasangka sosial yang signifikan terhadap individu <i>childfree</i>	Poland
6.	Dahnia et al. (2023)	Kualitatif	Sosiologi	Media sosial mempengaruhi normalisasi konsep <i>childfree</i>	Indonesia
7.	Fatih (2024)	Kualitatif	Teknologi	Media memainkan peranan dalam membentuk naratif <i>childfree</i>	Indonesia
8.	George (2023)	Kajian Literatur	Ekonomi	Pasangan <i>childfree</i> mengubah corak perbelanjaan & ekonomi	Amerika Syarikat
9.	Gibson (2021)	Kualitatif	Sosiologi	Pilihan <i>childfree</i> boleh berkaitan dengan bentuk pembentukan keluarga alternatif	New Zealand
10.	Gusli (2024)	Kajian Literatur	Ekonomi	<i>Childfree</i> boleh menyumbang kepada depopulasi & krisis ekonomi	Indonesia
11.	Hashim et al. (2025)	Kajian Literatur	Sosiology	Peningkatan <i>childfree</i> menjejaskan kadar kelahiran, tenaga kerja, dan ekonomi serta dasar inklusif diperlukan	Malaysia

12.	Helmiyah & Damaiyanti (2025)	Kuantitatif	Sosiologi	Mahasiswa mempunyai pandangan bercampur terhadap <i>childfree</i> dalam perkahwinan	Indonesia
13.	Hintz & Brown (2020)	Kualitatif	Sosiologi	Individu <i>childfree</i> sering menghadapi pertanyaan sosial & justifikasi pilihan mereka	Amerika Syarikat
14.	Ihsan et al. (2024)	Kajian Literatur	Agama	<i>Childfree</i> dikaji dari perspektif konsep kesempurnaan manusia dalam Islam	Malaysia
15.	Indah & Zuhdi (2021)	Kajian Literatur	Agama	<i>Childfree</i> boleh dikaitkan dengan kebebasan individu & prinsip Islam	Indonesia
16.	Kamilia (2024)	Kajian Literatur	Agama	Konsep <i>childfree</i> ditafsir berdasarkan prinsip Maqasid Syariah	Indonesia
17.	Khalidin (2023)	Kajian Literatur	Agama	Terdapat perbezaan pandangan ulama mengenai status hukum <i>childfree</i>	Indonesia
18.	Larasati (2023)	Kualitatif	Agama	NU & Muhammadiyah mempunyai pandangan berbeza terhadap <i>childfree</i>	Indonesia
19.	Lubis (2023)	Kajian Literatur	Agama	<i>Childfree</i> dilihat dalam konteks kebebasan wanita & fatwa Islam	Indonesia
20.	Madina (2024)	Kualitatif	Psikologi	Pasangan <i>childfree</i> mempunyai definisi kebahagiaan berbeza berbanding pasangan dengan anak	Indonesia
21.	Ma'rifah (2024)	Kualitatif	Teknologi	Netizen mempunyai pelbagai reaksi terhadap <i>childfree</i> , dari sokongan hingga kecaman	Indonesia
22.	Martinez Phillips (2024)	Kualitatif	Sosiologi	<i>Childfree</i> dikaitkan dengan kebebasan & hak autonomi wanita	Amerika Syarikat
23.	Mohd Faizul & Sali (2024)	Kuantitatif	Psikologi	Bapa tanpa anak mempunyai pengalaman psikologi yang berbeza dari bapa dengan anak	Malaysia
24.	Mohd Ismail (2025)	Kajian Literatur	Sosiologi	<i>Childfree</i> memberi kesan terhadap demografi & dasar sosial	Malaysia
25.	Nabila et al. (2024)	Kajian Literatur	Budaya	<i>Childfree</i> dikaitkan dengan kebebasan wanita & peranan gender	Indonesia
26.	Nakkerud (2024)	Kualitatif	Alam Sekitar	<i>Childfree</i> boleh menjadi sebahagian daripada gaya hidup mesra alam	Norway
27.	Nallanie & Nathanto (2024)	Kajian Literatur	Budaya	<i>Childfree</i> semakin meningkat tetapi masih kontroversi di Indonesia	Indonesia
28.	Neal & Neal (2024)	Kuantitatif	Sosiologi	Keputusan <i>childfree</i> meningkat selepas perubahan undang-undang	Amerika Syarikat
29.	Nikma (2024)	Kualitatif	Sosiologi	Mahasiswa cenderung menolak <i>childfree</i> berdasarkan latar belakang perubatan	Indonesia
30.	Prasmono & Kartikasari (2024)	Kuantitatif	Teknologi	Majoriti komen bercampur antara menyokong dan menolak <i>childfree</i>	Indonesia
31.	Putra et al. (2024)	Kuantitatif	Teknologi	Sentimen terhadap <i>childfree</i> cenderung negatif di media sosial	Indonesia
32.	Putri (2024)	Kajian Literatur	Agama	<i>Childfree</i> bertentangan dengan tanggungjawab keturunan dalam Islam	Indonesia
33.	Ramadhan & Alaudin (2023)	Kualitatif	Budaya	<i>Childfree</i> dikaitkan dengan gaya hidup moden dan kebebasan individu	Indonesia
34.	Rismarini & Adira (2024)	Kualitatif	Sosiologi	Keputusan <i>childfree</i> sering dikritik sebagai tidak bertanggungjawab	Indonesia
35.	Rojas-Madrigal (2024)	Kualitatif	Sosiologi	Wanita <i>childfree</i> menggunakan pelbagai strategi untuk menghadapi tekanan sosial	Costa Rica
36.	Rusmana (2024)	Kajian Literatur	Agama	<i>Childfree</i> kurang disokong dalam perspektif Islam	Indonesia
37.	Salgado & Magalhaes (2024)	Kualitatif	Sosiologi	Wanita <i>childfree</i> menekankan kebebasan dan kawalan ke atas kehidupan sendiri	Portugal
38.	Samsudi & Busro (2023)	Kualitatif	Agama	<i>Childfree</i> bertentangan dengan nilai keluarga dalam Islam	Malaysia
39.	Sandi (2024)	Kajian Literatur	Agama	<i>Childfree</i> boleh memberi kesan terhadap kestabilan keluarga	Indonesia

40.	Sayyaf et al. (2024)	Kualitatif	Agama	<i>Childfree</i> bertentangan dengan prinsip maqasid syariah	Indonesia
41.	Simanullang (2025)	Kualitatif	Alam Sekitar	<i>Childfree</i> boleh menjadi penyelesaian kepada krisis sumber alam	Indonesia
42.	Sipayung et al. (2025)	Kualitatif	Agama	Komuniti <i>childfree</i> melihat <i>childfree</i> sebagai hak individu	Indonesia
43.	Sodiq & Huda (2023)	Kualitatif	Agama	<i>Childfree</i> dipandang negatif dalam norma agama	Indonesia
44.	Stahnke et al. (2020)	Kualitatif	Psikologi	Wanita <i>childfree</i> melaporkan tahap kepuasan hidup yang tinggi	Amerika Syarikat
45.	Sufi'y et al. (2024)	Kajian Literatur	Agama	<i>Childfree</i> boleh melemahkan institusi keluarga	Indonesia
46.	Apriliyani et al. (2025)	Kualitatif	Agama	<i>Childfree</i> kurang diterima dalam kalangan generasi muda Muslim	Indonesia
47.	Syarif & Furqan (2023)	Kajian Literatur	Agama	<i>Childfree</i> memerlukan persetujuan bersama untuk harmoni perkahwinan	Indonesia
48.	Syarifah & Qotadah (2022)	Kajian Literatur	Agama	<i>Childfree</i> bercanggah dengan konsep keluarga dalam Islam	Indonesia
49.	Witemann & Yastrebov (2024)	Kuantitatif	Sosiologi	Pendidikan tinggi dikaitkan dengan keputusan <i>childfree</i>	Eropah


Rajah 1 menunjukkan taburan negara yang menerbitkan kajian berkaitan fenomena *childfree* yang mempunyai kaitan dengan Malaysia, sama ada dengan menyebut isu dari Malaysia atau menjadikan kajian dari Malaysia sebagai rujukan. Indonesia merupakan penyumbang terbesar dalam kajian SLR ini, dengan 68% daripada keseluruhan kajian yang dianalisis berasal dari negara tersebut. Hal ini adalah berkemungkinan disebabkan oleh perubahan sosial, budaya, dan perdebatan agama di Indonesia yang mempunyai persamaan dengan Malaysia. Tambahan lagi, perbincangan mengenai norma sosial dan penerimaan masyarakat terhadap individu *childfree* di Indonesia juga dilihat mempunyai banyak persamaan dengan Malaysia. Justeru, dapatan daripada kajian-kajian di Indonesia boleh memberikan kerangka rujukan yang berguna dalam memahami konteks *childfree* di Malaysia.

Rajah 1 Peratus Taburan Negara yang Menerbitkan Kajian (Sumber: Olahan Penyelidik, 2025)



Selain Indonesia, Amerika Syarikat dan Malaysia turut menyumbang sebahagian besar daripada kajian, masing-masing sebanyak 10% daripada keseluruhan data yang dikaji. Sumbangan tinggi dari Amerika Syarikat tidak menghairankan memandangkan negara tersebut aktif dalam menjalankan penyelidikan berkaitan perubahan struktur keluarga dan trend reproduktif. Malaysia pula menunjukkan minat yang semakin meningkat terhadap pemahaman fenomena *childfree* dalam konteks tempatan. Sementara itu, negara-negara lain seperti Costa Rica, Eropah, New Zealand, Norway, Poland dan Portugal masing-masing menyumbang 2%. Peratusan yang kecil ini menunjukkan bahawa meskipun isu *childfree* mendapat perhatian global, kebanyakan kajian yang dikaji melalui SLR ini tidak berfokus secara langsung kepada konteks Malaysia.

Rajah 2 Peratus Tema bagi Kajian yang Dipilih (Sumber: Olahan Penulis, 2025)




Rajah 2 menunjukkan tema kajian yang dianalisis dalam penyelidikan mengenai fenomena *childfree*. Berdasarkan rajah ini, tema agama merupakan topik yang paling dominan, merangkumi 41% daripada keseluruhan kajian. Ini menunjukkan bahawa aspek keagamaan memainkan peranan penting dalam membentuk pandangan masyarakat terhadap keputusan untuk tidak mempunyai anak, terutama dalam masyarakat yang memegang nilai-nilai tradisional dan agama yang kuat seperti Malaysia dan Indonesia. Sosiologi juga merupakan tema kajian yang signifikan, merangkumi 27% daripada keseluruhan kajian. Ini menunjukkan bahawa fenomena *childfree* sering dikaji dari perspektif sosial, termasuk bagaimana norma, nilai, dan tekanan masyarakat mempengaruhi individu dalam membuat keputusan mengenai pembentukan keluarga. Kajian dalam bidang psikologi pula menyumbang 10%, memberi tumpuan kepada faktor psikologi individu yang memilih untuk hidup tanpa anak, termasuk motivasi, tekanan emosi, dan kesejahteraan mental mereka.

Teknologi juga menjadi tema kajian yang mendapat perhatian, dengan 8% kajian berkaitan aspek ini. Perkembangan teknologi dalam aspek kesihatan reproduktif dan pengaruh media sosial menyebabkan perubahan dalam cara pasangan membuat keputusan mengenai kehamilan yang seterusnya menjadi faktor memilih untuk *childfree*. Selain itu, tema budaya pula menyumbang 6%, diikuti oleh aspek ekonomi dan alam sekitar yang masing-masing mencatatkan 4%. Walaupun ketiga-tiga tema ini mencatatkan peratusan yang lebih kecil, ia tetap memberikan gambaran bahawa fenomena *childfree* turut dilihat daripada pelbagai sudut lain, namun belum mendapat perhatian penyelidikan yang meluas seperti aspek agama dan sosial.

Rajah 3 menunjukkan taburan metodologi yang digunakan dalam kajian SLR ini. Berdasarkan rajah, kajian literatur merupakan metodologi yang paling dominan, merangkumi sebahagian besar daripada keseluruhan kajian yang dianalisis. Ini menunjukkan bahawa isu *childfree* masih dalam fasa awal perbincangan akademik di Malaysia, di mana kajian empirikal masih terhad. Banyak penyelidikan dalam bidang ini bergantung kepada sumber sekunder seperti kajian terdahulu, teori, dan analisis konsep bagi memahami fenomena *childfree* dari pelbagai perspektif.


Rajah 3 Peratus Metodologi bagi Kajian yang Dipilih (Sumber: Olahan Penulis, 2025)



Selain itu, kajian kualitatif juga digunakan secara meluas, mencerminkan pendekatan yang menumpukan kepada pemahaman mendalam mengenai pengalaman individu yang memilih untuk hidup tanpa anak. Pendekatan ini melibatkan kaedah seperti temu bual, analisis naratif, dan pemerhatian bagi meneroka motivasi, cabaran, serta persepsi sosial yang dihadapi oleh individu *childfree*. Kajian kuantitatif turut digunakan dalam beberapa penyelidikan, terutamanya untuk menganalisis data statistik berkaitan trend *childfree* dalam masyarakat. Kajian ini sering melibatkan soal selidik dan analisis data besar bagi mengenal pasti corak dan faktor yang mempengaruhi keputusan untuk tidak mempunyai anak.

Rajah 4 menunjukkan peningkatan ketara dalam jumlah kajian mengenai *childfree* yang diterbitkan dari tahun ke tahun. Ini menunjukkan bahawa fenomena ini semakin mendapat perhatian dalam kalangan penyelidik di Malaysia dan rantau Asia. Lonjakan jumlah kajian dalam beberapa tahun kebelakangan ini mungkin disebabkan oleh perubahan sosial yang berlaku, termasuk peningkatan pasangan yang memilih untuk tidak mempunyai anak, serta perbincangan yang semakin meluas dalam media sosial dan wacana akademik.

Rajah 4 Penerbitan Kajian yang diterbitkan (Sumber: Olahan Penulis, 2025)



Peningkatan jumlah kajian ini juga boleh dikaitkan dengan faktor global seperti tekanan ekonomi, perubahan dalam norma keluarga, serta perbincangan mengenai kebebasan individu dalam menentukan kehidupan mereka. Di Malaysia, peningkatan kajian mengenai *childfree* menunjukkan bahawa isu ini semakin relevan dalam konteks pembangunan sosial dan dasar negara, terutamanya berkaitan dengan kadar kelahiran, tenaga kerja, dan perancangan ekonomi masa depan. Selain itu, pertumbuhan kajian ini juga mungkin didorong oleh perkembangan teknologi dan media sosial, yang membolehkan perbincangan mengenai *childfree* menjadi lebih terbuka dan meluas. Dengan semakin banyak negara yang menghadapi cabaran kadar kelahiran yang rendah dan penuaan populasi, kajian mengenai *childfree* menjadi semakin relevan dalam perancangan dasar dan pembangunan sosial.

PERBINCANGAN DAN CADANGAN

Dapatan kajian menunjukkan bahawa isu *childfree* di Malaysia masih bersifat teoritikal dengan kebergantungan tinggi kepada ulasan literatur, walaupun kes pasangan *childfree* semakin meningkat (Bernama, 2024a; Hashim et al., 2025). Ini menunjukkan keperluan mendesak terhadap data empirikal. Penyelidikan kuantitatif dan longitudinal wajar dijalankan bagi menilai kesan jangka panjang terhadap demografi, kesejahteraan, dan ekonomi negara (George, 2023; Gusli, 2024). Kajian juga boleh meneliti kaitan fenomena ini dengan faktor sosioekonomi B40 (Basri et al., 2024), bagi memahami sama ada ia dipilih secara sadar atau didorong oleh tekanan ekonomi. Tema agama memainkan peranan penting dalam membentuk persepsi terhadap fenomena *childfree*, khususnya di Malaysia dan Indonesia yang menekankan nilai tradisional (Aliyyah et al., 2024; Apriliyani et al., 2025).

Fenomena *childfree* semakin berkembang di pelbagai negara seperti Jepun, Eropah, Amerika Syarikat dan Asia Selatan, dipengaruhi oleh nilai kebebasan, tekanan ekonomi dan perubahan sosial (Ciesielski, 2024; George, 2023). Di Malaysia, fenomena ini turut meningkat terutamanya dalam kalangan generasi muda yang mengutamakan kebebasan peribadi, kestabilan kewangan dan pencapaian kerjaya (Hashim et al., 2025). Berbanding negara seperti Jepun dan Eropah yang telah memperkenalkan dasar pro-natalis dan sokongan keluarga progresif (Jones, 2024; Szalma et al., 2025), Malaysia boleh meneladani pendekatan seperti cuti ibu bapa yang lebih fleksibel, subsidi penjagaan anak, dan kempen normalisasi peranan jantina agar dapat menyokong institusi keluarga serta mengurangkan kecenderungan terhadap pilihan hidup *childfree* (Wazer, 2024).

RUMUSAN

Kajian ini meneliti fenomena *childfree* dalam kalangan pasangan berumah tangga di Malaysia dari sudut sosial, ekonomi, dan agama. Hasil dapatan menunjukkan bahawa faktor utama pilihan *childfree* termasuk kebebasan peribadi, kestabilan kewangan, dan tekanan sosial. Kajian ini juga mendedahkan bahawa masyarakat masih memandang negatif terhadap pasangan *childfree*, walaupun terdapat peningkatan kesedaran terhadap hak membuat pilihan hidup. Walau bagaimanapun, kajian ini terhad kepada bilangan responden yang kecil dan tumpuan kawasan yang terhad, justeru hasilnya tidak boleh digeneralisasikan kepada seluruh populasi Malaysia secara menyeluruh. Oleh itu, kajian lanjutan yang lebih luas dan menyeluruh amat diperlukan bagi memahami fenomena ini secara holistik.

RUJUKAN

- Aksa, F. N., Herinawati, H., Rasyid, L. M., & Nurarafah, N. (2024, December). Child-Free Choices and Contradictions: Navigating Diverse Perspectives. In *Proceedings of Malikussaleh International Conference on Law, Legal Studies and Social Science (MICoLLS)*, Vol. 4, pp. 00019-00019.
- Aliyyah, D. H., Faizin, N., Maulidia, A. R., Fatonia, A. F., & Wardania, F. P. (2024). *Childfree* dalam Perspektif Agama Islam dan Respon Mahasiswa Terhadapnya. *Indonesian Journal of Islamic Religious Education*, 2(1), 75-84.
- Apriliyani, L. S., Zahra, A. A., Hanipah, E., Putri, R. I., Supriyadi, T., & Faozi, A. (2025). Perspektif Islam Dan Perawat Komunitas Terhadap Fenomena *Childfree* Pada Kalangan Gen Z. *International Journal Mathla'ul Anwar of Halal Issues*, 5(1), 1-11.
- Astuti, R. T., & Rohmayanti, R. (2024, August). A Review of the Literature on the Effects of Lost Pregnancies on the Mental Health of Women and *Childfree*. In *5th Borobudur International Symposium on Humanities and Social Science 2023* (pp. 1133-1142). Atlantis Press.
- Auni, A. F. E. (2024). Pemikiran Sayyid Muhammad al-Maliki Terhadap Motif *Childfree* Generasi Z. *HAKAM: Jurnal Kajian Hukum Islam dan Hukum Ekonomi Islam*, 8(1), 146-164.

- Basri, N. A. A., Rashid, S. M. R. A., Nor, N. N. F. M., & Rahman, A. A. (2024). Bilangan Tanggungan dan Kualiti Hidup Kumpulan B40 di PPR Kerinchi, Kuala Lumpur: Number of Dependents and Quality of Life of B40 Group in PPR Kerinchi, Kuala Lumpur. *Quantum Journal of Social Sciences and Humanities*, 5(4), 181-197.
- Bernama (2024a, 21 November). Trend Pasangan Pilih 'Childfree' Membimbangkan – Noraini Ahmad. *Bernama*. Diakses di <https://www.bernama.com/bm/news.php/am/news.php?id=2365972>
- Bernama. (2024b, 2 Julai). Kadar kesuburan Malaysia menurun secara ketara – Nancy. *Astro Awani*. Diakses dari <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kadar-kesuburan-malaysia-menurun-secara-ketara-nancy-477264>
- Chattopadhyay, S. (2025). Locating vulnerable masculinities among *childfree* men in urban India. *Journal of Gender Studies*, 1-25.
- Ciesielski, P. (2024). Construction and Validation of a Tool for Measuring Prejudice Toward *Childfree* People. *European Journal of Psychological Assessment*, 1015-5759/a000822. <https://doi.org/10.1027/1015-5759/a000822>
- Dahnia, A. R., Adsana, A. W. F., & Putri, Y. M. (2023). Fenomena *Childfree* Sebagai Budaya Masyarakat Kontemporer Indonesia Dari Perspektif Teori Feminis (Analisis Pengikut Media Sosial *Childfree*). *Al YAZIDIY: Ilmu Sosial, Humaniora, dan Pendidikan*, 5(1), 66-85.
- Fatih, M. (2024). *Semiotika Makna Childfree Pada Channel Youtube Yukngaji*. (Bachelor's thesis, Falkutas Dakwah Dan Komunikasi).
- Gangopadhyay, J. (2025). Later-Life Care and Ageing Practices: An International Landscape. *Society*, 1-7.
- Gangopadhyay, J., & Arcot, K. (2024). Postnatal Experience in Bengaluru: A Sociocultural Examination. *South Asia Research*, 44(3), 386-399.
- George, A. S. (2023). The rise of DINKs: How *childfree* couples are reshaping economies. *Partners Universal International Research Journal*, 2(4), 95-111.
- Gibson, H. (2021). *Kin-Making in the Reproductive Peumbra: Surrogacy in Aotearoa New Zealand*. (Doctoral's thesis, Victoria University of Wellington).
- Gusli, T. (2024). Pelestarian Lembaga Perkawinan: Upaya Mencegah Dampak Ekonomi Krisis Seks dan Depopulasi Akibat Praktik *Childfree*, Waithood, dan Freesex di Indonesia. *Jurnal Ilmiah Gema Perencana*, 3(1), 69-88.
- Hashim, R. G., Aminuddin, Z. M., Shakil, N. S. M., Md Saad, M. N., & Bhari, A. (2025). *The rising tide of childfree attitudes: Implications for Malaysia's demography and socioeconomy*. ResearchGate. https://www.researchgate.net/publication/389178341_The_Rising_Tide_of_Childfree_Attitudes_Implications_for_Malaysia's_Demography_and_Socioeconomy
- Hassan, A. A., & Yusof, H. M. (2023). Kajian Systematic Literature Review (SLR) Kebersihan Diri Kalangan Pelajar Sekolah. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 5(2), 93-99. DOI: <https://doi.org/10.55057/jdppd.2023.5.2.9>
- Helmiyah, F., & Damaiyanti, V. P. (2025). Dekonstruksi Pernikahan: Persepsi Mahasiswa UIN Antasari Banjarmasin tentang Fenomena *Childfree*. *Huma: Jurnal Sosiologi*, 4(1), 1-11.
- Herawati, D. S. (2024, July). *Childfree* in the View of Fiqh al-Aulawiyat and Human Rights. In *International Conference on Islamic Studies (ICIS)* (pp. 470-480).
- Hintz, E. A., & Brown, C. L. (2020). *Childfree* and "bingoed": A relational dialectics theory analysis of meaning creation in online narratives about voluntary childlessness. *Communication Monographs*, 87(2), 244-266.
- Ihsan, N. H., Sa'ari, C. Z. B., Sansayto, T., & Indallah, S. M. (2024). Abdurrauf Singkel's *Insan Kamil* Concept To Answer The Problem Of Sexual Consent, *Childfree*, Nature And Nurture In Urban Society. *Akademika: Jurnal Pemikiran Islam*, 29(1), 87-100.
- Indah, D. N. & Zuhdi, S. (2021). The *Childfree* Phenomenon in the Perspective of Human Rights and Maqasid Al-Shari'ah. In *International Conference on Community Empowerment and Engagement (ICCEE 2021)*, pp. 222-231. Atlantis Press.
- Inoue, T., & Inoue, N. (2024). The Future Process of Japan's Population Aging: A Cluster Analysis Using Small Area Population Projection Data. *Population Research and Policy Review*, 43(4), 58.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat. (2020). *Pelan Strategik 2021-2025*. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Diakses dari <https://www.kpwkm.gov.my/kpwkm/uploads/files/Dokumen/Pelan%20Strategik/PELAN%20STRATEGIK%20KPWKM%202021%20-%202025.pdf>
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2025, 13 Februari). *Perangkaan Demografi, Suku Tahun Keempat 2024*. Diakses dari <https://www.dosm.gov.my/portal-main/release-content/demographic-statistics-fourth-quarter-2024>
- Jones, R. S. (2024). *Addressing demographic headwinds in Japan: A long-term perspective* (OECD Economics Department Working Papers No. 1806). *Organisation for Economic Co-operation and Development*. <https://dx.doi.org/10.1787/96648955-en>
- Kamilia, N. (2024). *Childfree* Marriage (Perspektif Pemikiran Maqasid Syariah Jaser Audah). *Hakam: Jurnal Kajian Hukum Islam dan Hukum Ekonomi Islam*, 8(2).
- Kawi, M. R. (2024, 10 Ogos). Dulu LPPKN rancang keluarga, kini atur program galakkan ramai anak. *Berita Harian Online*. Diakses dari https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/08/1282979/dulu-lppkn-rancang-keluarga-kini-atur-program-galakkan-ramai-anak#google_vignette
- Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. (2024, 9 November). *Hari Keluarga dijadikan Acara Tetap Tahunan di Semua Kementarian dan Agensi*. Diakses dari <https://www.kpwkm.gov.my/kpwkm/uploads/files/KenyataanMedia/2024/SIARAN%20MEDIA%20NBKK2024.pdf>
- Khairi, M. L. (2025, 13 Februari). Penduduk Malaysia kini 34.2 juta orang. *Harian Metro*. Diakses dari <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/02/1186840/penduduk-malaysia-kini-342-juta-orang>
- Khalidin, M. (2023). Status Hukum Praktik *Childfree* dalam Perspektif Ulama Syafi'iyah. *Jurnal Al-Nadhair*, 2(1), 109-135.
- Larasati, S. U. (2023). *Childfree* perspektif tokoh Nahdlatul Ulama dan tokoh Muhammadiyah di Kabupaten Pemalang (Doctoral dissertation, UIN KH Abdurrahman Wahid Pekalongan).

- Lubis, S. G. R. (2023). *Childfree Pada Perkawinan Dalam Perspektif Teori Feminisme Dan Fatwa Darul Ifta Mesir* (Master's thesis, Fakultas Syariah dan Hukum UIN Syarif Hidayatullah Jakarta).
- Luft, J. A., Jeong, S., Idsardi, R., & Gardner, G. (2022). Literature reviews, theoretical frameworks, and conceptual frameworks: An introduction for new biology education researchers. *CBE—Life Sciences Education*, 21(3), rm33.
- Ma'rifad, I. (2024). Sentimen Netizen Pada Fenomena *Childfree* Di Media Sosial X (Studi Netnografi Tagar# *Childfree* Dan# *Gitasav*) (Master's thesis, Fakultas Dakwah Dan Ilmu Komunikasi).
- Madina, M. (2024). Konsep Kebahagiaan Pernikahan Pada Pasangan *Childfree* (Doctoral dissertation, Universitas Islam Negeri Maulana Malik Ibrahim).
- Majlis Keselamatan Negara. (2024, 1 Julai). Tren *Childfree*: Impak Terhadap Keselamatan Negara. *Laman Web Rasmi Majlis Keselamatan Negara*. Diakses dari <https://www.mkn.gov.my/web/ms/2024/07/01/tren-childfree-impak-terhadap-keselamatan-negara/>
- Martinez Phillips, K. (2024). The feminization of freedom: An analysis of love, happiness and freedom from the perspective of *childfree*, never-married single women of color. *Journal of Social and Personal Relationships*, 41(12), 3573-3592.
- Mohd Faizul, W. F., & Saili, J. (2024). Psychological Wellbeing of Childless Father. *Journal of Cognitive Science & Human Development*, 10(2), 144-161.
- Mohd Ismail, R. A. (2025). The *Childfree* Trend: Regional Perspectives, Socioeconomic Impacts, and Policy Responses. *Penang Institute Monographs*, 28.
- Moher, D., Liberati, A., Tetzlaff J., & Altman, D. G. (2009). Preferred reporting items for systematic reviews and meta-analyses: the PRISMA statement. *BMJ* 2009; 339:b2535. <https://doi.org/10.1136/bmj.b2535>
- Muhamad, H. (2024, 21 November). Trend '*childfree*' membimbangkan, tapi ia pilihan keluarga berkenaan – Noraini. *Astro Awani*. Diakses dari <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/trend-childfree-membimbangkan-tapi-ia-pilihan-keluarga-berkenaan-noraini-497308>
- Nabila, W., Al Jauza, H., Maryam, M., Hannisyah, H., Faizah, I. N., Zahra, F. U., Alifah, Saroh, M., Hidayat, F., & Abasir, M. A. (2024). A Feminist Study of the *Childfree* Trend in Generation Z: A Normative Review. *Solo International Collaboration and Publication of Social Sciences and Humanities*, 2(02), 143-158.
- Nakkerud, E. (2024). Choosing to live environmentally *childfree*: private-sphere environmentalism, environmental activism, or both?. *Current Psychology*, 43(3), 2887-2898.
- Nallanie, F., & Nathanto, F. (2024). *Childfree* di Indonesia, Fenomena atau Viral Sesaat?. *Syntax Idea*, 6(6), 2663-2673.
- Neal, J. W., & Neal, Z. P. (2024). Prevalence of *childfree* adults before and after *Dobbs v Jackson* in Michigan (USA). *Plos one*, 19(1), e0294459.
- Neal, J. W., & Neal, Z. P. (2025a). Tracking types of non-parents in the United States. *Journal of Marriage and Family*. DOI: 10.1111/jomf.13097
- Neal, Z. P., & Neal, J. W. (2025b). Estimating the percentage of men who are *childfree* using the National Survey of Family Growth: A comment on Bozick (2023). *Journal of Marriage and Family*.
- Nikma, A. (2024). Fenomena *Childfree* Di Indonesia Dari Perspektif Mahasiswa Kebidanan Universitas Airlangga Surabaya. *Jurnal Kajian Gender Dan Anak*, 8(1), 41-63.
- Prasmono, A. S. P., & Kartikasari, M. D. (2024). The *Childfree* Phenomenon in Indonesia: An Analysis of Sentiments on YouTube Video Comments. *Jambura Journal of Mathematics*, 6(1), 29-38.
- Putra, M. A. S., Permana, I., & Afdal, M. (2024). Analisis Sentimen Masyarakat Mengenai Gerakan *Childfree* di Media Sosial X Menggunakan Algoritma NBC dan SVM: Sentiment Analysis of *Childfree* Campaign on X Social Media Using NBC and SVM Algorithms. *MALCOM: Indonesian Journal of Machine Learning and Computer Science*, 4(4), 1189-1198.
- Putri, Q. A. Y. (2024). Konsep Kewajiban Keturunan dalam Islam dan Fenomena *Childfree* di Kalangan Gen Z Ditinjau dari Masalah Mursalah. *Syntax Idea*, 6(8), 3386-3399.
- Ramadhan, M. R., & Alaudin, R. (2023). Pengaruh Gaya Hidup *Childfree* Dalam Kalangan Generasi Modern Indonesia. *Nathiqiyah*, 6(2), 33-40.
- Rashidi, F., Ghahremani, F., Mahmoodi, Z., & Doulabi, M. A. (2025). The role of social determinants of health in woman's intention to pregnancy: a model with the mediation of social support. *BMC Public Health*, 25(1), 1062.
- Rismarini, N. A., & Adira, N. (2024). Between personal and social matters: identifying public perceptions of *childfree* decisions in Indonesia. *Culture, Health & Sexuality*, 1-14. <https://doi.org/10.1080/13691058.2024.2398619>
- Rojas-Madrigal, C. (2024). Swimming Against the Tide: Resistance Strategies and Agentic Skills Used by *Childfree* Women. *Journal of Feminist Scholarship*, 25(25), 3.
- Rusmana, K. A. D. (2024). Konsep *Childfree* Dalam Pandangan Islam (Telaah QS luqman Ayat 14 Dengan Pendekatan Ma'na Cum Maghza) (Doctoral dissertation, IAIN Ponorogo).
- Saha, D. (2016). *Weblog Discourses on Voluntary Childlessness* (Doctoral dissertation, University of Houston).
- Salgado, F., & Magalhães, S. I. (2024, January). "I am my own future" representations and experiences of *childfree* women. In *Women's Studies International Forum*, Vol. 102, p. 102849, Pergamon.
- Samsudi, S. B., & Busro, B. (2023). Between Liberty and Faith: Exploring the Dynamics of *Childfree* Choices in the Islamic Perspective of Malaysia. *Tashwirul Afkar*, 42(1), 69-86.
- Samudra, W. (2024). *Fenomena Childfree Ditinjau dari Perspektif Forum Genre Provinsi Jambi* (Doctoral dissertation, Universitas Jambi).
- Sandi, A. F. (2024). *Nilai-Nilai Qur'ani dalam Membangun Ketahanan Keluarga di Era Society 5.0*. (Studi Analisis Ayat-Ayat Ketahanan Keluarga).
- Sayyaf, R. T. F., Anggraeni, L., Airlangga, W. I., & Saffinee, S. S. (2024). Criticizing *Childfree* in the View of Radical Libertarian and Cultural Feminism: Maqāṣid al-Sharī'ah Perspective. *Muwazah*, 16(2), 219-236.
- Shirai, C. (2023). Infertility in Relation to Japanese Parental Norms. In: Tanaka, K., Selin, H. (eds) Sustainability, Diversity, and Equality: Key Challenges for Japan. Science Across Cultures: The History of Non-Western Science, vol 13. Springer, Cham. https://doi.org/10.1007/978-3-031-36331-3_2

- Simanullang, C. (2025). Pilihan *Childfree*: Jalan Baru Menjaga Bumi (Perspektif Creation Continue Terhadap Pemenuhan Bumi). *Jurnal Review Pendidikan dan Pengajaran (JRPP)*, 8(1), 1354-1362.
- Sipayung, F., A., Milhan, M., (2025). Understanding *childfree* according to the views of the Indonesian *childfree* community reviewed from Islamic law. *Asy-Syariah: Jurnal Hukum Islam*, 11(1), 1-11. <https://doi.org/10.55210/assyariah.v11i1.1930>
- Sodiq, N., & Huda, M. C. (2023). Understanding *Childfree*: A Phenomenological Perspective and Islamic Law. *Journal of Islamic Studies and Civilization*, 1(02), 201-225.
- Stahnke, B., Blackstone, A., & Howard, H. (2020). Lived experiences and life satisfaction of *childfree* women in late life. *The Family Journal*, 28(2), 159-167.
- Sufi'y, M., Muslih, M., & Khotim, A. (2024). Implikasi Maqasid Syariah Terhadap Pilihan Reproduksi: Studi Tentang *Childfree* Di Era Modern. *Bulletin of Islamic Law*, 1(2), 73-82.
- Syarif, M., & Furqan, F. (2023). Maqashid Al-Syariah Kesepakatan Pasangan Suami Istri Tidak Memiliki Anak (*Childfree*) Dalam Perspektif Hukum Islam. *Jurnal Al-Ijtima'iyah*, 9(1), 51-70.
- Syarifah, M., & Qotadah, H. A. (2022). *Childfree* in the Qur'an: Reinterpretation of Al-Nahl verse 72 with Ma'nā Cum Maghazā approach. *At-Tahrir*, 22(2), 325-342.
- Szalma, I., Heers, M., & Tanturri, M. L. (2025). Measuring attitudes towards voluntary childlessness: Indicators in European comparative surveys. *PloS one*, 20(3), e0319081. Wazer, 2024)
- Wittemann, V., & Yastrebov, G. (2024). Untangling the Role of Assortative Mating in Educational Reproduction in Twelve European Countries. *Comparative Population Studies*, 49.
- Xiao, Y., & Watson, M. (2019). Guidance on conducting a systematic literature review. *Journal of Planning Education and Research*, 39(1), 93-112. <https://doi.org/10.1177/0739456X17723971>.